



**KENYATAAN RASMI**  
**10 Mei 2021**

## **PENGUMUMAN KES POSITIF COVID-19**

Petaling Jaya – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ingin memaklumkan tiga kes positif COVID-19 telah dikesan melibatkan individu-individu yang merupakan warga kerja PR1MA.

Berikutan dengan kes-kes yang direkodkan ini, **pejabat Perbadanan PR1MA di Ara Damansara akan ditutup** hari ini dan **galeri jualan PR1MA juga akan ditutup sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak**.

Untuk pengetahuan, rekod kehadiran terakhir ke pejabat bagi ketiga-tiga individu terbabit adalah pada 6 dan 7 Mei 2021. Ketiga-tiga individu ini sedang menerima bantuan perubatan sejak disahkan positif pada 8 dan 9 Mei 2021.

PR1MA sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan semua tindakan bagi mencegah penyebaran pandemik COVID-19 dilaksanakan dengan segera.

Untuk mengurangkan risiko jangkitan, PR1MA telah melakukan tindakan berikut :

- Mengarahkan kakitangan yang merupakan kontak rapat disaring mengikut kategori.
- Usaha pengesanan kontak rapat untuk mengesan mana-mana warga kerja dan pelawat luar yang telah berurusan secara terus dengan individu-individu tersebut daripada 29 April 2021 hingga 7 Mei 2021. Individu-individu tersebut akan dihubungi dengan segera dan perlu menjalani kuarantin.
- Proses sanitasi awam di seluruh bangunan PR1MA di Ara Damansara telah dilaksanakan sebagai langkah mengurangkan risiko jangkitan.

Keselamatan warga kerja dan para pelanggan merupakan keutamaan kami di PR1MA. Kami akan memaklumkan sebarang informasi terkini melalui saluran komunikasi rasmi PR1MA. Sama-sama kita memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum Negeri Selangor) atau e-mel kepada [info@p1ma.my](mailto:info@p1ma.my).

-TAMAT-